

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPATBELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN PRABAKARAN A/L M
PARAMESWARAN (BATU)**

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana Kementerian ingin memastikan aktiviti gangsterisme tidak berlaku di mana-mana penjara seluruh Malaysia sama ada ianya dilakukan oleh banduan atau warden penjara. Bagaimana cara untuk mengatasi permasalahan ini kerana ramai masyarakat telah mempersoalkannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, salah satu tanggungjawab Jabatan Penjara adalah melaksanakan penahanan yang selamat (*safe custody*). Sehubungan itu, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Penjara memandang serius berkenaan aktiviti berkaitan buli mahupun gengsterisme di dalam penjara. Bagi kepentingan keselamatan dan pemulihan, banduan yang terlibat akan dikategorikan dan diasingkan penempatannya.

Pada masa kini, aktiviti gengsterisme di dalam penjara tidak berlaku. Kemasukan banduan/tahanan bagi kesalahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) dan juga Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) akan diasingkan dari banduan-banduan kesalahan lain. Ini adalah bagi mengelak dari tersebarnya ideologi kumpulan gengster berkenaan di kalangan banduan di dalam penjara. Jabatan Penjara Malaysia juga akan memastikan kumpulan-kumpulan gangster yang ditahan ini tidak dicampur dan ditempatkan di blok penempatan yang sama bagi mengelak kejadian yang tidak diingini berlaku.

Berdasarkan prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Penjara Malaysia, semua aktiviti yang tidak sihat di dalam penjara akan dipantau dan diberi perhatian yang sewajarnya dari masa ke semasa, agar ianya tidak menjadi satu kejadian yang boleh membawa ancaman buruk di dalam penjara. Jika didapati penghuni mahupun pegawai penjara telah melanggar peraturan yang ditetapkan, maka mereka akan diambil tindakan tatatertib sepertimana yang ditetapkan oleh Jabatan.

Jabatan Penjara Malaysia turut memberikan peringatan dari masa ke semasa kepada ketua-ketua institusi penjara agar meningkatkan lagi tahap kawalan keselamatan, mencegah apa jua bentuk aktiviti tidak sihat selaras dengan prosedur kawalan keselamatan sepertimana ketetapan Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara.